



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PELAKSANAAN MATA PELAJARAN VOKASIONAL DAN KESANNYA
TERHADAP KEMAHIRAN KEBOLEHPASARAN PELAJAR***

PRAKAS RAO A/L APPARAO

FPP 2014 24



**PELAKSANAAN MATA PELAJARAN VOKASIONAL DAN KESANNYA
TERHADAP KEMAHIRAN KEBOLEHPASARAN PELAJAR**

Oleh

PRAKAS RAO A/L APPARAO

**Tesis dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan
untuk Ijazah Master Sains**

April 2014

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PELAKSANAAN MATA PELAJARAN VOKASIONAL DAN KESANNYA
TERHADAP KEMAHIRAN KEBOLEHPASARAN PELAJAR**

Oleh

PRAKAS RAO A/L APPARAO

April 2014

Pengerusi : Profesor Ab Rahim bin Bakar, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti sama ada pelaksanaan Mata Pelajaran Vokasional (MPV) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), mampu menyediakan tenaga kerja sebagaimana yang dihasratkan program berkenaan. Objektif utama kajian yang dijalankan adalah untuk mengetahui status semasa para graduan aliran MPV iaitu, adakah mereka sedang bekerja, berniaga atau menyambung pelajaran, mengikut bidang MPV yang telah dipelajari atau sebaliknya. Faktor-faktor yang mempengaruhi status semasa para graduan aliran MPV turut dikaji. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti tahap kemahiran employability para graduan aliran MPV.

Kaedah tinjauan digunakan dalam kajian ini. Data kajian dikumpulkan melalui soal selidik dan temu bual. Responden kajian terdiri daripada 103 pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2010, yang telah mengikut aliran MPV dari lapan buah sekolah menengah di daerah Kinta Utara, Perak. Kaedah persampelan rawak mudah digunakan untuk memilih responden bagi menjawab soal selidik dan persampelan bertujuan digunakan untuk temu bual.

Hasil kajian menunjukkan hanya 29% para graduan aliran MPV yang dikaji sedang bekerja, berniaga atau menyambung pelajaran mengikut bidang yang telah dipelajari. Lebih daripada separuh, iaitu 62% graduan aliran MPV yang dikaji, didapati sedang bekerja, berniaga atau menyambung pelajaran tanpa mengikut bidang MPV yang telah dipelajari. Selebihnya, sejumlah 9% graduan aliran MPV yang dikaji pula, didapati sedang menganggur.

Faktor utama yang dikenal pasti menjadi punca permasalahan ialah, faktor pemilihan pelajar yang tidak sesuai dengan sesuatu aliran MPV. Selain itu, faktor ketidaktentuan kerjaya dalam kalangan pelajar pada peringkat awal tingkatan empat, turut menyumbang kepada permasalahan ini. Faktor kekurangan maklumat dan pendedahan awal mengenai peluang-peluang pekerjaan, perniagaan dan menyambung pelajaran, turut menyebabkan para

graduan aliran MPV memilih bidang-bidang yang berlainan daripada bidang yang telah dipelajari.

Berdasarkan kajian, tahap kemahiran employability para graduan aliran MPV didapati berada pada tahap yang tinggi. Tiada perbezaan signifikan diperoleh untuk tahap kemahiran employability secara keseluruhan berdasarkan jantina dan bidang pengajian para graduan aliran MPV. Dapatan kajian turut menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara status semasa dengan tahap kemahiran employability para graduan aliran MPV.

Hasil daripada kajian ini, adalah dicadangkan supaya satu mekanisme pemilihan pelajar yang lebih efisien dan sistematik untuk mengikut sesuatu program berbentuk Teknikal dan Vokasional (PTV) perlu dikenal pasti dan dilaksanakan. Para pelajar perlu didedahkan dengan pelbagai ujian minat, kebolehan dan kecenderungan, supaya mereka dapat mengetahui minat, potensi dan keupayaan diri sendiri yang sebenar. Sesi kaunseling kerjaya yang lebih mapan dan berkesan perlu dilaksanakan pada peringkat awal, iaitu sebelum pelajar memilih program PTV yang ingin diikuti. Hasil kajian ini turut menunjukkan, guru-guru PTV turut memainkan peranan penting dalam membuka minda pelajar mengenai peluang-peluang pekerjaan, perniagaan dan menyambung pelajaran dalam sesuatu bidang yang telah dipelajari.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia
in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**VOCATIONAL SUBJECTS IMPLEMENTATION AND ITS EFFECT ON
STUDENTS EMPLOYABILITY SKILLS**

By

PRAKAS RAO S/O APPARAO

April 2014

Chairman : Professor Ab Rahim bin Bakar, PhD

Faculty : Educational Studies

The purpose of this study is to identify whether the implementation of Vocational Subjects (MPV) in Secondary Academic Schools (SAS), was able to provide the desired workforce the programme intended. The main objective of the study is to determine the current status of MPV graduates, by identifying whether these graduates are working, engage in trading or furthering their studies, in accordance with their field of study or otherwise. Factors influencing the current status of MPV graduates are also studied in depth. This study is also aim to identify the employability skills of the MPV graduates.

Survey method was adopted for the study. Questionnaire and interview technique were used to collect data for the study. Respondent for the study were 103 MPV graduates, whom had completed their Malaysia Certificate of Education (SPM) in year 2010, from eight SAS in Kinta Utara district at the state of Perak. Simple random sampling approach was use to select respondents to answer the questionnaire, and purposive sampling method was used to select respondents for the interview session.

Study findings show that, only 29% of the MPV graduates surveyed are working, engage in trading or furthering their studies in accordance with their former MPV studies. More than half, which is 62% of this MPV graduates are working, engage in trading or furthering their studies in fields unrelated to their MPV studies. Study findings also show that 9% of the MPV graduates in this study are currently unemployed.

Among the main factors identified to be the cause of this problem is inappropriate streaming process of students into MPV classes. In addition to that, career indecision among these students at form four level also contributes to this problem. Lack of information on opportunities relating to work, trades or further studies, also influenced the MPV graduates decision in choosing fields that are unrelated to their prior MPV studies.

Study finding also shows that, the employability skills of the MPV graduates are high. There were no significant difference obtain for the overall

employability skills of MPV graduates, with their gender or field of studies. There was also no significant difference between the current status of these graduates with their employability skills.

From the findings of this study, it's recommended that an efficient and systematic mechanism of streaming student into an appropriate technical and vocational programme (TVET), identified and implemented. Students need to be exposed to various interest, aptitude and preference test to help them identify their interest, potential and ability. Effective career counselling sessions need to be conducted at early stages, before students are streamed into various TVET programme. Findings of the study also shows that, TVET programme educators also play a vital role, in widening the thoughts of student on opportunities relating to work, trades or further studies in a selected field.



PERHARGAAN

Syukur pada Tuhan yang maha pengasih.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu menyiapkan tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada guru dan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis, Prof. Dr. Ab. Rahim Bakar, yang banyak memberi dorongan dan bimbingan sehingga tesis ini berjaya disiapkan. Penghargaan juga dirakamkan kepada Dr. Soaib b. Asimiran, selaku ahli Jawatankuasa Penyeliaan Tesis, yang tidak jemu memberi panduan dan tunjuk ajar dalam menyiapkan tesis ini.

Penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih turut diucapkan kepada sumber inspirasi, iaitu ahli keluarga yang sentiasa memberi galakan dalam menyempurnakan tesis ini.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada (tarikh viva voce) untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Prakas Rao a/l Apparao bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Pelaksanaan Mata Pelajaran Vokasional Dan Kesannya Terhadap Kemahiran Kebolehpasaran Pelajar” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Zoharah bt Omar, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ramlah bt Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalaman)

Mohd Ibrahim b Nazri, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalaman)

Ahmad b Mohamad Sharif, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Pendidikan Sultan Idris
(Pemeriksa Luar)

NORITAH OMAR, PhD

Profesor Madya dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut :

Ab Rahim bin Bakar, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Soaib b. Asimiran, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Perakuan pelajar siswazah:

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbangi dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh : 17 April 2014

Nama dan No. Matrik : Prakas Rao a/l Apparao (GS 28703)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Ab Rahim bin Bakar, PhD
Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)

Tandatangan : _____

Soaib b. Asimiran, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli Jawatankuasa Penyeliaan)

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi

BAB

1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	3
	1.3 Penyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	8
	1.5 Persoalan Kajian	9
	1.6 Rasional Kajian	9
	1.7 Batasan Kajian	9
	1.8 Definisi Konstitutif Dan Operasional	10
	1.8.1 Mata Pelajaran Vokasional (MPV)	10
	1.8.2 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)	10
	1.8.3 Pelaksanaan MPV	10
	1.8.4 Status Semasa Pelajar Lulusan MPV	11
	1.8.5 Kemahiran Employability	11
	1.8.6 Pentaksiran Kompetensi	11
	1.8.7 Pensijilan Modular	11
2	TINJAUAN LITERATUR	
	2.1 Pengenalan	12
	2.2 Pendidikan Teknik Dan Vokasional Di Malaysia	12
	2.3 Mata Pelajaran Vokasional (MPV)	14
	2.4 Kemahiran Employability	16
	2.5 Teori Kerjaya Holand	18
	2.6 Teori Kerjaya Super	19
	2.7 Teori Pembangunan Modal Insan	21
	2.8 Model Penilaian Tyler	22
	2.9 Model Penilaian Stufflebeam (CIPP)	24

2.10	Model Penilaian Dunkin Dan Biddle	25
2.11	Kajian-Kajian Lepas Berkaitan MPV Dan Kemahiran Employabiliti	28
2.12	Kerangka Konseptual Kajian	33
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	35
3.2	Reka Bentuk Kajian	35
3.3	Populasi dan Persampelan	35
3.4	Instrumen Kajian	38
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	39
3.6	Tatacara Kajian	40
3.7	Analisis Data	41
4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	44
4.2	Demografi Responden	44
4.3	Pelaksanaan MPV Daripada Aspek Input Dan Proses	47
4.3.1	Pelaksanaan MPV Daripada Aspek Input	47
4.3.2	Pelaksanaan MPV Daripada Aspek Proses	54
4.4	Kemahiran Employabiliti Responden	58
4.4.1	Tahap Kemahiran Employabiliti Responden	58
4.4.2	Kemahiran Employabiliti Berdasarkan Jantina	66
4.4.3	Kemahiran Employabiliti Berdasarkan Bidang Pengajian	67
4.5	Status Semasa dan Faktor Yang Mempengaruhi Status Semasa Responden	68
4.5.1	Status Semasa Responden	68
4.5.2	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Status Semasa Responden	69
4.5.3	Status Semasa Responden Berdasarkan Tahap Kemahiran Employabiliti	73

5	RUMUSAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	75
5.2	Rumusan	75
5.3	Perbincangan	76
5.3.1	Pelaksanaan MPV Daripada Aspek Input Dan Proses	76
5.3.2	Tahap Kemahiran Employabiliti Graduan Aliran MPV	78
5.3.2	Status Semasa Graduan Aliran MPV	79
5.4	Implikasi Kajian	84
5.5	Kesimpulan	87
5.6	Cadangan	88
	BIBLIOGRAFI	90
	LAMPIRAN	98
	BIODATA PELAJAR	120

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
2.1 Minat kerjaya, gaya individu dan persekitaran kerjaya Holand	19
2.2 Pemilihan dan penyesuaian kerjaya berdasarkan peringkat umur yang dikemukakan dalam Teori Kerjaya Super	20
3.1 Jumlah populasi dan sampel	38
3.2 Skor maklum balas skala Likert	39
3.3 Kebolehpercayaan instrumen	40
3.4 Interpretasi skor min bagi skala yang digunakan	42
3.5 Garis panduan interpretasi saiz Cramer's V	42
3.6 Persoalan kajian dan analisis yang dijalankan	42
4.1 Demografi responden yang memulangkan soal selidik	45
4.2 Demografi responden yang ditemu bual	46
4.3 Pengkodan dan tema temu bual	46
4.4 Item kemudahan dalam aspek input	47
4.5 Item guru dalam aspek input	48
4.6 Item minat pelajar dalam aspek input	49
4.7 Min dan SP faktor kemudahan, guru, serta minat pelajar yang mengikuti aliran MPV	49
4.8 Item pengajaran dalam aspek proses	54
4.9 Item pembelajaran dalam aspek proses	55
4.10 Min dan SP faktor pengajaran dan pembelajaran	56
4.11 Item kemahiran asas dalam kemahiran employability	59

4.12	Item kemahiran berfikir dalam kemahiran employability	60
4.13	Item kemahiran sumber/ daya dalam kemahiran employability	61
4.14	Item kemahiran informasional dalam kemahiran employability	62
4.15	Item kemahiran interpersonal dalam kemahiran employability	63
4.16	Item kemahiran sistem dan teknologi dalam kemahiran employability	64
4.17	Item kualiti personal dalam kemahiran employability	65
4.18	Min dan SP tahap kemahiran employability responden	66
4.19	Analisis Ujian-t terhadap perbezaan jenis kemahiran employability dengan jantina	67
4.20	Keputusan Ujian Khi Kuasa Dua antara tahap kemahiran employability dengan bidang pengajian responden	68
4.21	Status semasa responden	69
4.22	Keputusan Ujian Khi Kuasa Dua antara status semasa dengan tahap kemahiran employability responden	74

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1 Plan Transformasi Vokasional	5
2.1 Rangka kerja pembangunan modal insan yang bersepadu di Malaysia	22
2.2 Model pembelajaran bilik darjah	27
2.3 Kerangka konseptual kajian	34
3.1 Formula saiz sample oleh <i>Krejcie dan Morgan</i> (1970)	36
3.2 Formula saiz sample oleh <i>Cochran</i> (1977)	37

SENARAI SINGKATAN

MPV	=	Mata Pelajaran Vokasional
MPAV	=	Mata Pelajaran Aliran Vokasional
KPM	=	Kementerian Pendidikan Malaysia
JPN	=	Jabatan Pendidikan Negeri
BPK	=	Bahagian Perkembangan Kurikulum
PPTV	=	Penaziran Pendidikan Teknik Vokasional
SMK	=	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMT	=	Sekolah Menengah Teknik
SBP	=	Sekolah Berasrama Penuh
MRSM	=	Maktab Rendah Sains Mara
SMKA	=	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
PAV	=	Program Asas Vokasional
PTV	=	Pendidikan Teknik dan Vokasional
UPSR	=	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
PMR	=	Penilaian Menengah Rendah
SPM	=	Sijil Pelajaran Malaysia
KHB	=	Kemahiran Hidup Bersepadu

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perdana Menteri YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, dalam laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM, 2012), telah menegaskan bahawa pendidikan merupakan penyumbang utama pembangunan modal sosial dan ekonomi negara. Beliau turut menekankan bahawa, pendidikan merupakan pencetus kreativiti dan penjana inovasi yang melengkapkan generasi muda dengan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran kerja, dan menjadi pengupaya perkembangan ekonomi keseluruhannya.

Sehubungan dengan itu, sejumlah besar belanjawan negara iaitu sebanyak 16%, telah diperuntukkan secara purata setiap tahun untuk pembangunan dan kemajuan pendidikan di Malaysia (Muhyiddin Yassin, 2012). Dalam pembentangan belanjawan 2013, peruntukan berjumlah 21% daripada keseluruhan belanjawan, iaitu RM 38.7 bilion telah diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan, di samping tambahan peruntukan sebanyak RM 500 juta untuk latihan guru (The Budget 2013, 2012). Dalam pembentangan belanjawan berkenaan, Perdana Menteri telah menegaskan bahawa, kerajaan sering mempromosikan pendidikan sebagai agenda utama negara, kerana menyedari pendidikan merupakan keperluan utama kemajuan dan kemakmuran negara serta rakyat.

Walaupun terdapat pelbagai perancangan dan usaha dalam memajukan sistem pendidikan negara, pendidikan di Malaysia sering menjadi perhatian dan bahan perdebatan pelbagai pihak. Hal ini adalah kerana jangkaan pelbagai pihak termasuk para ibu bapa dan majikan terhadap kualiti pendidikan negara, semakin meningkat mengikut peredaran masa. Pelbagai pihak telah menyuarakan kebimbangan tentang keupayaan sistem pendidikan negara dalam menyediakan generasi muda dengan ilmu, kemahiran dan nilai murni yang akan menjadi tonggak pembangunan ekonomi abad ke-21 (PPPM, 2012).

Kebimbangan pelbagai pihak mengenai sistem pendidikan negara, telah disemarakkan lagi dengan pencapaian yang kurang memuaskan para pelajar dalam penilaian-penilaian antarabangsa, yang merangkumi aspek bacaan, Matematik dan Sains. Program penilaian pendidikan antarabangsa yang dikendalikan oleh *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) pada tahun 2007, menunjukkan lebih daripada 20% pelajar di Malaysia, gagal mencapai penanda aras minimum dalam subjek Matematik dan Sains (RMKe-10, 2010).

Selain TIMSS, satu lagi program penilaian pendidikan antarabangsa yang sering dibincangkan ialah, *Programme for International Students Assessment* (PISA). Program ini telah diperkenalkan oleh *Organisation for Economic Co-*

operation and Development (OECD). Tujuan utama program ini adalah untuk menilai hasil pembelajaran dan dasar pendidikan di sesebuah negara, di samping membantu perkembangan dan peningkatan prestasi pendidikan negara berkenaan (OECD, 2003). Penilaian PISA yang telah dilaksanakan di Malaysia pada tahun 2009 menunjukkan, prestasi aspek bacaan, Matematik dan Sains para pelajar di Malaysia berada sepertiga terbawah, berbanding purata yang ditetapkan OECD dan peringkat antarabangsa. Dapatan yang kurang memuaskan dalam penilaian-penilaian antarabangsa ini perlu dibimbangi kerana penilaian yang dijalankan adalah berbentuk kemahiran berfikir aras tinggi dan keupayaan menyelesaikan masalah dalam persekitaran sebenar (PPPM, 2012).

Tidak dinafikan bahawa sistem pendidikan negara secara umum telah berjaya meningkatkan akses pendidikan dan tahap literasi penduduk daripada 48% pada tahun 1957, kepada 93% pada tahun 2009 (The Star, 2012). Namun demikian, hasil penilaian antarabangsa terhadap sistem pendidikan negara menunjukkan terdapat pelbagai jurang dan lompong yang perlu ditangani segera. Pelbagai usaha perlu digembleng untuk mempertingkatkan kualiti sistem pendidikan yang sedia ada, supaya kita tidak hanyut dalam arus globalisasi. Malaysia kini sedang berhadapan dengan cabaran yang getir dalam usaha menyediakan suatu sistem pendidikan yang berkualiti (PPPM, 2012).

Walaupun terdapat pelbagai isu dan kerunsingan mengenai aspek pendidikan negara, perlu diyakini bahawa sistem pendidikan negara mampu diperbaiki dan berupaya bersaing dengan negara-negara maju yang lain. Hal ini bukannya sesuatu yang mustahil, negara Finland dan Korea Selatan misalnya, telah berjaya memajukan sistem pendidikan negara masing-masing ke tahap yang tinggi. Pencapaian ini telah dicerminkan melalui prestasi yang sangat baik dalam penilaian antarabangsa seperti TIMSS dan PISA.

Menurut Pasi (2011), sistem pendidikan di Finland pada 1980-an hanya berada pada tahap sederhana, namun kini mempunyai sistem pendidikan yang terbaik di dunia. Antara faktor utama yang membawa perubahan dan kejayaan ketara dalam sistem pendidikan di Finland, adalah proses penyelidikan pendidikan yang mendalam tanpa terburu-buru. Kolaborasi pelbagai pihak didapati telah membawa kemajuan dan kesan yang mendalam kepada sistem pendidikan di Finland. Setengah abad yang lalu, Korea Selatan merupakan sebuah negara yang hanya mempunyai ramai pekerja berpendapatan rendah. Setelah memberikan tumpuan kepada pembangunan pendidikan dan modal insan, Korea Selatan kini berjaya meningkatkan produktiviti, di samping melonjakkan pembangunan negara untuk mencapai status negara maju (RMKe-10, 2010).

Kejayaan yang dikecapi negara-negara ini bukannya berlaku dengan mudah atau sekelip mata. Sistem pendidikan di negara-negara yang dinyatakan tadi, telah melalui pelbagai proses penambahbaikan dan pemurnian sebelum mampu mengecapi kejayaan pada masa kini. Peribahasa Melayu ada menyatakan bahawa, “yang bulat tidak akan datang bergolek dan yang pipih

tidak akan datang melayang". Seperti negara-negara yang telah mencapai kejayaan dalam sistem pendidikan mereka, kita perlu mempergiat usaha untuk mencari formula sistem pendidikan yang sesuai dan berkesan, untuk memacu pembangunan negara ke tahap yang lebih tinggi.

Sistem pendidikan di Malaysia membolehkan para pelajar berada di bangku persekolahan selama 11 tahun, iaitu enam tahun di peringkat sekolah rendah dan lima tahun di peringkat sekolah menengah. Para pelajar dibenarkan meneruskan pendidikan ke peringkat tingkatan empat dan lima secara automatik tanpa berdasarkan keputusan peperiksaan PMR yang diduduki ketika berada di tingkatan tiga. Para pelajar yang kurang cenderung kepada akademik boleh mengikuti program berbentuk kemahiran di pelbagai peringkat dan institusi. Hal ini adalah untuk membolehkan para pelajar menguasai kemahiran-kemahiran yang diperlukan, sebagai persediaan awal ke alam pekerjaan (Jamil Ahmad et al., 2008).

Menurut Ramlee et al. (2001), dalam mengharungi arus globalisasi masa kini, cabaran kritikal sesebuah negara adalah menyediakan tenaga kerja yang akan diperlukan. Beliau turut menyatakan bahawa, pendidikan teknikal dan vokasional (PTV) akan memainkan peranan yang penting dalam menyediakan tenaga kerja yang berbentuk kompetitif dan amat diperlukan Malaysia dalam era globalisasi serta k-ekonomi masa kini. Abdullah (2008), telah menegaskan bahawa, dalam era globalisasi dan perubahan teknologi yang begitu pantas kini, seseorang pelajar dalam bidang PTV perlu dilengkapi dengan pelbagai kemahiran keboleherjaan dan kemahiran insaniah.

Menyedari bahawa kita sedang berada pada zaman perkembangan teknologi dan pengetahuan yang berkembang pada kadar yang pantas, perancangan PTV perlu direncana dengan rapi. Perancangan ini perlu diiringi dengan penyelidikan dan analisis yang mendalam mengenai pasaran pekerjaan, supaya dapat memenuhi keperluan globalisasi masa kini (George, 2010). Pelbagai faktor penting perlu diambil kira dalam perancangan program berbentuk PTV. Faktor-faktor ini perlu diberi penekanan supaya suasana pembelajaran dalam sistem PTV dapat memberikan ruang kepada pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang sesuai dengan dunia pekerjaan yang bakal diceburi (Ivan et al., 2008).

1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Falsafah Pendidikan Negara, pendidikan di Malaysia merupakan satu usaha berterusan untuk mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu. Potensi individu ini terdiri daripada aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Falsafah pendidikan negara juga menggariskan bahawa, rakyat Malaysia perlulah berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (Falsafah Pendidikan Negara 1989).


Sekiranya dihayati, falsafah pendidikan berkenaan merupakan satu perincian yang cukup menyeluruh mengenai hasrat serta matlamat pendidikan di Malaysia. Pendidikan di Malaysia telah mula diberi perhatian sebelum zaman kemerdekaan lagi dan telah dipergiat selepas kemerdekaan. Pelbagai ordinar, laporan, akta, dasar, perancangan, *blueprint* dan yang terbaru, Pelan Pembangunan Pendidikan disediakan, dengan harapan dapat melahirkan insan mulia seperti yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Negara.

Menyedari pelajar mempunyai potensi dan keupayaan berbeza-beza, penekanan kini mula diberikan untuk mengembangkan dan mengetengahkan keupayaan dan potensi setiap individu. Istilah “modal insan” sering diutarakan dalam pelbagai media massa kini. Mantan Perdana Menteri, Dato’ Seri Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi, sering mengingatkan kepentingan pembentukan dan pembangunan modal insan dalam pelbagai aspek. Beliau turut telah memberi penekanan untuk memperkukuh modal insan secara menyeluruh dan bukan hanya daripada aspek ilmu pengetahuan dan kemahiran sahaja, tetapi merangkumi aspek etika, minda yang progresif dan kesedaran budaya yang tinggi (RMKe-9, 2005).

Untuk mencapai hasrat menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, pembangunan modal insan bertaraf dunia perlu diutamakan. Memperluas akses PTV yang berkualiti merupakan salah satu strategi untuk mencapai hasrat ini. Menurut Amla (2010), sejarah PTV negara mempunyai pasang surut kesan daripada pendekatan pendidikan yang bersifat elitis dan berorientasikan akademik. Beliau turut berpendapat bahawa, walaupun PTV sering terabai dan dianggap sistem pendidikan kelas kedua dan hanya sesuai untuk mereka yang gagal dalam bidang akademik, cabaran kerja abad ke-21 telah mendorong satu gerakan baru memulihkan PTV di Malaysia.

Kebanyakan negara maju, telah menjadikan PTV sebagai pilihan pendidikan yang utama. Kadar purata enrolmen pelajar yang memasuki aliran PTV untuk negara OECD adalah pada kadar 44%, berbanding di Malaysia yang hanya pada kadar 10% (RMKe-10, 2010). Untuk tujuan mengarusperdanakan PTV, Kementerian Pelajaran Malaysia telah membangunkan suatu Pelan Transformasi Vokasional yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2013 (PPPM, 2012) seperti di dalam Rajah 1.1.

Rajah 1.1 Plan Tranformasi Vokasional



Sumber : Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, PPPM 2013-2025, m/s. 158

Pelan Transformasi Vokasional yang dikemukakan ini, mengandungi dua komponen utama yang terdiri daripada Kolej Vokasional (KV) dan program Pendidikan Asas Vokasional (PAV). Mengikut pelan transformasi ini, Sekolah Menengah Vokasional yang sedia ada akan dinaik taraf kepada KV. Hal ini adalah untuk menambah baik program vokasional dengan menyusun semula kurikulum yang sedia ada, untuk memberikan peluang kepada para pelajar di KV mengikut pengajian di peringkat yang lebih tinggi iaitu melalui program Diploma Vokasional Malaysia (PPPM, 2012).

Program PAV pula akan diperkenalkan kepada para pelajar yang berada di dalam tingkatan satu hingga tingkatan tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) yang terpilih. Para pelajar yang mengikuti program PAV akan memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap satu dan dua setelah menamatkan kursus yang diikuti. Program PAV yang bakal dilaksanakan, akan menggantikan program Mata Pelajaran Vokasional (MPV) yang akan mula dimansuhkan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2012 hingga tahun 2015 (Utusan Malaysia, 2011).

Surat Siaran daripada Pejabat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, bertarikh 24 Oktober 2011 (KP.BPTV.600-6/2/9(26)), telah memaklumkan mengenai pelaksanaan projek rintis PAV di beberapa SMK yang terpilih pada tahun 2012. Tujuan utama projek rintis dijalankan adalah untuk mengkaji pelbagai permasalahan yang mungkin timbul daripada pelaksanaan program PAV. Memandangkan program PAV adalah kesinambungan daripada program

MPV yang telah mula dilaksanakan sejak tahun 2002, pelbagai aspek pelaksanaan program MPV boleh dikaji dan dijadikan panduan berharga dalam pelaksanaan program PAV.

Keunikan program MPV berbanding program-program teknikal dan vokasional yang lain ialah, MPV telah dilaksanakan di SMK berbanding program-program lain yang sering dilaksanakan di Sekolah Menengah Teknik atau Vokasional. PAV yang kini berada dalam pelbagai peringkat perancangan di bawah Pelan Tranformasi Vokasional, akan turut dilaksanakan di SMK. Oleh hal yang demikian, kajian terperinci pelaksanaan program MPV yang telah dilaksanakan lebih daripada 10 tahun yang lalu, akan memberikan maklumat dan perincian yang penting untuk program-program berbentuk vokasional yang bakal dilaksanakan, terutamanya di SMK.

Program MPV telah diperkenalkan di bawah memorandum bertajuk "Perluasan Program Teknikal dan Vokasional". Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Jun 1999, telah meluluskan penawaran mata pelajaran Teknologi Industri, yang kemudiannya dikenali sebagai MPV. Melalui program MPV, 22 mata pelajaran ditawarkan setelah dikelompokkan dalam lima bidang usaha iaitu, binaan, pembuatan, teknotani, ekonomi rumah tangga dan aplikasi komputer. Program MPV diperkenalkan untuk memenuhi permintaan terhadap tenaga kerja mahir dan separa mahir, dalam pelbagai sektor dan perindustrian negara, akibat daripada kepesatan pembangunan ekonomi. Program MPV turut diperkenalkan untuk meluaskan akses dan meningkatkan ekuiti penglibatan murid dalam bidang vokasional dan teknikal yang diperlukan negara (PPK, 2003b).

Tiada maklumat atau data menunjukkan dengan jelas sama ada para graduan yang telah mengikuti sesuatu aliran MPV sedang bekerja, berniaga atau melanjutkan latihan mengikut bidang yang telah dipelajari. Timbul persoalan mengenai apakah yang telah terjadi kepada para graduan aliran MPV ini? Adakah mereka sedang bekerja, berniaga atau menyambung latihan seperti yang dihasratkan? Apakah faktor-faktor yang mendorong atau menghalang graduan aliran MPV daripada bekerja, berniaga atau menyambung pelajaran mengikut bidang yang telah dipelajari? Menurut Shyamala et al. (2009), kajian-kajian berbentuk longitudinal mengenai pengalaman belia yang merangkumi transisi daripada alam persekolahan ke alam pekerjaan, akan memberikan maklumat kritikal dalam pembentukan dasar, strategi dan program pendidikan yang menjurus kepada persediaan pekerjaan.

Negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, didapati mempunyai maklumat atau data yang terperinci mengenai graduan sesuatu aliran atau program pendidikan. Melalui maklumat yang telah dikumpulkan, pelbagai kajian telah dan sedang dijalankan. Antara contoh penyelidikan ini adalah, *National Logitudinal Study of the High School Class of 1972 (NLS72)* dan *National Logitudanal Survey of Youth Labor Market Experience (NLSY)*. Kajian-kajian ini telah dilaksanakan untuk mengkaji dengan mendalam pelaksanaan sesuatu program pendidikan, serta mengikuti perkembangan

dan transisi para graduan berkenaan daripada alam persekolahan kepada alam pekerjaan (Stern et al., 1995).

Melalui data kajian yang dikumpul merentasi jangka masa yang panjang, pelbagai analisis untuk menentukan hubungan dan korelasi antara pelbagai pemboleh ubah dapat dilaksanakan. Kajian-kajian seperti ini, yang melibatkan graduan program-program pendidikan di Malaysia sangat diperlukan. Hal ini adalah untuk mengenal pasti secara terperinci kekuatan dan kelemahan program-program pendidikan, terutamanya program PTV yang telah dilaksanakan. Dapatan daripada penyelidikan-penyelidikan ini boleh dijadikan rujukan dan panduan untuk pelaksanaan program-program lain seperti dalam Pelan Transformasi Vokasional yang sedang dan bakal dilaksanakan.

1.3 Penyataan Masalah

Menurut OECD (2003), pelaburan terpenting sesebuah negara adalah dalam bidang pendidikan dan latihannya, namun di kebanyakan negara, pelaburan dalam bidang pendidikan tidak menampakkan hasil seperti yang diharapkan. Menjelang tahun 2020 Malaysia memerlukan 3 juta pekerja mahir untuk menjadi sebuah negara perindustrian sepenuhnya dengan penduduk berpendapatan tinggi, namun negara masih jauh daripada mencapai keperluan tenaga kerja yang diperlukan (Ab. Rahim, 2011).

Fokus utama kajian adalah untuk mengetahui bilangan graduan sesuatu program PTV yang meneruskan kerjaya, latihan atau memulakan perniagaan yang berkaitan dengan kemahiran yang telah dipelajari melalui program PTV yang telah diikuti. Kajian ini telah dirangka untuk mengesan dan menghubungi para graduan sesuatu program PTV, untuk mendapatkan pandangan dan persepsi mereka mengenai program PTV yang telah diikuti. Faktor-faktor yang mempengaruhi kedudukan semasa kumpulan graduan program PTV ini daripada aspek pekerjaan, perniagaan atau latihan lanjut akan diselidiki secara mendalam.

Salah satu program PTV yang telah dirangka dan dilaksanakan untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja mahir dan separa mahir negara adalah program MPV. Program ini telah mula dilaksanakan di SMK secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2002. Mengikut perangkaan Kementerian Pendidikan, sejumlah 29,150 graduan aliran MPV akan dihasilkan setiap tahun, iaitu setelah program ini dilaksanakan sepenuhnya mulai tahun 2005. Untuk permulaan pelaksanaan program MPV dari tahun 2002 hingga 2005, peruntukan sebanyak RM 118.858 juta telah disediakan (PPK 2003b). Bantuan per kapita setiap pelajar yang mengikuti aliran MPV mulai tahun 2004 pula adalah sebanyak RM 220 (PPK 2003c), iaitu antara peruntukan yang tertinggi berbanding mata pelajaran yang lain.

Program MPV yang telah dilaksanakan sejak sekian lama dengan peruntukan yang besar, seharusnya telah melahirkan banyak golongan belia yang lebih cenderung memenuhi permintaan pasaran pekerjaan mahir dan

separa mahir dalam negara. Tiada catatan rekod yang jelas menunjukkan graduan aliran MPV akan memasuki pasaran pekerjaan seperti yang dihasratkan kerajaan. Kajian yang mendalam diperlukan untuk mengenal pasti sama ada pelaksanaan program MPV berjaya menyediakan pekerja mahir dan separa mahir yang diperlukan negara.

Tahap kemahiran employability para graduan aliran MPV turut dikenal pasti melalui kajian ini. Kemahiran employability dianggap penting dan perlu dimiliki seseorang untuk membolehkan mereka menjadi individu yang terampil dan efektif dalam pekerjaan mereka (Yahya et al., 2006). Perbandingan antara tahap kemahiran employability dengan jantina, bidang pengajian dan status semasa para graduan aliran MPV, akan dikenal pasti dalam kajian ini.

Kajian yang dijalankan ini adalah seiringan dengan fasa atau gelombang pertama dalam PPPM (2012). Fasa pertama yang melibatkan tempoh dari tahun 2013 hingga 2015, akan melibatkan kajian semula dan diagnostik menyeluruh sistem pendidikan negara. Fasa ini akan merangkumi penilaian terperinci prestasi pendidikan di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada keberhasilan murid (PPPM, 2012). Sebelum menyediakan pelbagai program PTV yang baru, keberkesanan program-program PTV yang telah dan sedang dilaksanakan perlu dikaji secara menyeluruh. Hasil daripada kajian-kajian ini akan memberikan panduan yang lebih berfokus untuk penambahbaikan dan pelaksanaan program-program PTV pada masa yang akan datang, seperti program PAV dalam Pelan Transformasi Vokasional.

1.4 Objektif Kajian

Objektif Umum

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pelaksanaan MPV, status semasa dan kemahiran employability graduan aliran MPV.

Objektif Khusus

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk :

1. Mengetahui persepsi graduan aliran MPV terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang telah mereka lalui.
2. Membandingkan tahap kemahiran employability graduan aliran MPV mengikut jantina dan bidang pengajian mereka.
3. Mengetahui status semasa graduan aliran MPV mengikut tahap kemahiran employability mereka.

1.5 Persoalan Kajian

Berikut adalah persoalan-persoalan yang menjadi asas kepada kajian ini :

1. a) Apakah persepsi graduan aliran MPV terhadap pelaksanaan MPV daripada aspek input yang melibatkan faktor kemudahan, guru dan minat pelajar yang mengikuti aliran MPV?
b) Apakah persepsi graduan aliran MPV terhadap pelaksanaan MPV daripada aspek proses yang melibatkan faktor pengajaran dan pembelajaran sewaktu kelas MPV?
2. a) Apakah tahap kemahiran employability graduan aliran MPV?
b) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kemahiran employability dengan jantina graduan aliran MPV?
c) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kemahiran employability dengan bidang pengajian graduan aliran MPV?
3. a) Apakah status semasa graduan aliran MPV, iaitu bilangan mereka yang sedang bekerja, berniaga atau menyambung latihan mengikut dan tanpa mengikut bidang MPV yang telah dipelajari?
b) Apakah persepsi graduan aliran MPV, mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi status semasa mereka?
c) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara status semasa dengan tahap kemahiran employability graduan aliran MPV?

1.6 Rasional Kajian

Tranformasi ke arah pendidikan yang lebih bermutu dan berkualiti merupakan sesuatu yang sangat diharap dan dinantikan. Namun demikian, kajian yang mendalam dan menyeluruh perlu dilakukan sebelum sesuatu transformasi mengambil tempatnya. Terdapat pelbagai kajian yang dijalankan sebelum ini yang melibatkan pelaksanaan MPV. Kajian-kajian yang telah dijalankan, lebih tertumpu kepada pelajar semasa yang merangkumi isu kandungan kurikulum, permasalahan MPV, pentaksiran kompetensi, pensijilan modular dan lain-lain lagi. Kajian yang dijalankan ini, lebih berfokuskan kepada para graduan aliran MPV, di samping mengenal pasti tahap kemahiran employability mereka.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada lapan MPV yang ditawarkan melalui lapan buah sekolah di daerah Kinta Utara, Perak. Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan tidak melibatkan keseluruhan 22 MPV yang ditawarkan. Kajian yang dijalankan juga hanya melibatkan graduan aliran MPV kohort 2009 dan 2010, iaitu para pelajar aliran MPV yang menduduki peperiksaan SPM pada tahun 2010.

1.8 Definisi Konstitutif dan Operasional

Istilah yang digunakan dalam penulisan ini akan dijelaskan untuk memudahkan pembaca memahami penggunaannya. Istilah-istilah yang digunakan hanya sesuai penggunaannya dalam kajian ini sahaja.

1.8.1 Mata Pelajaran Vokasional (MPV)

Program MPV merupakan sekumpulan mata pelajaran yang diajar berteraskan kemahiran. Mata pelajaran ini, ditawarkan di SMK untuk pelajar di peringkat tingkatan empat dan lima. Program ini menawarkan 22 mata pelajaran yang dikelompokkan dalam lima bidang usaha iaitu, binaan, pembuatan, teknotani, ekonomi rumah tangga dan aplikasi komputer. Penawaran pelbagai mata pelajaran ini dirancang dan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2002 (PPK 2003a).

Untuk tujuan kajian ini, hanya lapan daripada 22 MPV akan dikaji. Namun demikian, lapan MPV yang dikaji akan merangkumi kesemua lima bidang pengajian MPV. Mata pelajaran MPV yang terlibat dalam kajian ini adalah, Landskap dan Nurseri, Katering dan Penyajian, Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Pendawaian Domestik, Seni Reka Tanda, Penjagaan Muka dan Dandan Rambut, Grafik Berkomputer dan Menservis Peralatan Elektrik Domestik.

1.8.2 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)

Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), menempatkan kanak-kanak remaja berusia 12 tahun dan ke atas, merangkumi pendidikan daripada tingkatan peralihan, tingkatan satu, tingkatan dua, tingkatan tiga, tingkatan empat, tingkatan lima dan seterusnya tingkatan enam rendah dan enam atas. Untuk tujuan kajian ini, lapan SMK di daerah Kinta Utara Perak, yang menawarkan MPV telah dipilih. Sekolah-sekolah berkenaan adalah, SMK Ulu Kinta, SMK Jalan Tasek, SMK Tasek Damai, SMK Aminudin Baki, SMK Rapat Setia, SMK Simpang Pulai, SMK Kg. Pasir Putih dan SMK Lahat.

1.8.3 Pelaksanaan MPV

Pelaksanaan MPV dikaji berdasarkan model penilaian bilik darjah oleh Dunkin dan Biddle, 1974 yang telah diubah suai. Model ini merangkumi aspek *presage*, konteks, proses dan produk. Untuk tujuan kajian ini, aspek *presage* dan konteks telah digabungkan dan dikenali sebagai aspek input. Aspek input dikaji berdasarkan faktor kemudahan, guru dan minat graduan yang mengikuti aliran MPV. Aspek seterusnya iaitu proses, dikaji melalui faktor pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Aspek produk pula dikaji melalui status semasa dan tahap kemahiran employabiliti graduan aliran MPV.

1.8.4 Status Semasa Graduan Aliran MPV

Objektif pelaksanaan program MPV mengariskan bahawa, graduan aliran MPV seharusnya bekerja, berniaga atau menyambung pelajaran mengikut bidang kemahiran yang telah dipelajari. Oleh yang demikian, tiga status semasa yang merujuk kepada kedudukan graduan aliran MPV telah ditetapkan. Kumpulan pertama terdiri daripada graduan aliran MPV yang sedang bekerja, berniaga dan menyambung pelajaran mengikut bidang MPV yang telah dipelajari. Kumpulan kedua pula terdiri daripada graduan aliran MPV yang sedang bekerja, berniaga dan menyambung pelajaran tanpa mengikut bidang MPV yang telah dipelajari. Kumpulan graduan aliran MPV yang tidak berbuat apa-apa atau sedang menganggur, dikategorikan sebagai kumpulan ketiga.

1.8.5 Kemahiran Employability

Kemahiran employability merupakan suatu kumpulan kemahiran yang merangkumi ciri-ciri peribadi unggul seperti sifat jati diri yang tinggi, inovatif, produktif, berkemahiran, berdaya saing, berdaya tahan dan kreatif. Kumpulan kemahiran ini merupakan kemahiran tambahan yang perlu dimiliki oleh pekerja selain memiliki kemahiran teknikal sahaja (Fitriehara Kazilan et al., 2008). Dalam kajian ini, soal selidik yang diubah suai daripada SCANS akan digunakan untuk mengkaji tahap employability para graduan aliran MPV. Kemahiran-kemahiran employability yang akan dikaji adalah kemahiran asas, kemahiran berfikir, kemahiran sumber/daya, kemahiran informasional, kemahiran interpersonal, kemahiran sistem dan teknologi, serta kualiti personal.

1.8.6 Pentaksiran Kompetensi

Pentaksiran kompetensi ialah satu proses untuk mendapatkan bahan pembelajaran dan seterusnya membuat pertimbangan mengenai tahap pencapaian atau tahap penguasaan pelajar, dalam melakukan sesuatu tugas berdasarkan sesuatu standard yang telah dikenal pasti. Bahan pembelajaran yang dimaksudkan merupakan pelbagai respon pelajar sewaktu pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk produk, penulisan, artifak, lisan dan sebagainya. Hal ini adalah untuk membuktikan bahawa seseorang pelajar telah menguasai bidang pengetahuan yang diuji dalam sesuatu tugas (LPM, 2002a).

1.8.7 Pensijilan Modular

Modular ialah satu kaedah menyusun pembelajaran kepada beberapa bahagian atau peringkat untuk mencapai keseluruhan objektif pembelajaran yang diinginkan. Pensijilan modular ialah suatu bentuk pengiktirafan mengenai keupayaan seseorang calon atau pelajar memenuhi sesuatu kriteria yang dinilai. Kompetensi para pelajar akan dijelaskan dalam sijil yang diberikan kepada mereka dalam bentuk pernyataan bercetak berdasarkan tahap penguasaan yang telah dicapai dalam setiap modul (LPM, 2002b).

BIBLIOGRAFI

Abdullah Mat Rashid, Mohd. Ibrahim Nazri, & Ramlah Hamzah. 2008. *Pendidikan Teknikal & Vokasional : Satu Perspektif Umum*. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.

Ab. Rahim Bakar. 2011. *Preparing Malaysian Youths for the World of Work*. Inaugural Lecture. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.

Ab. Rahim Bakar & Ivan Hanafi. 2007. Assessing employability skills of technical-vocational students in Malaysia. *Journal of Social Sciences* 3(4): 202-207.

Abd Hair Awang. 2004. Keberkesanan kebolehpasaran pelatih dalam industri latihan vokasional terpilih di Malaysia. Tesis PhD. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

Abd Rahman Bin Ahmad. 2006. *Pembangunan Modal Insan: Apa dan Kenapa Perlu Dalam Konteks Organisasi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Hikmah.

Ahmad Othman. 2003. *The Role Of The National Vocational Training Council In The Management Of Vocational Training In Malaysia: A Critical Evaluation*. Batu Pahat: Peberbit KUITTHO.

Ahmad Sipon. 2001. Ucaptama : Hala tuju dan cabaran pendidikan vokasional di Sekolah Menengah Akademik. Seminar Kebangsaan Pendidikan Asas Vokasional. November 2001, Kuala Lumpur.

Amla Mohd. Salleh. 2010. *Pendidikan Kerjaya dan Pembangunan Modal Insan*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Arasinah Binti Kamis. 2009. Minat, aspirasi kerjaya dan sikap terhadap mata pelajaran Rekaan dan Jahitan Pakaian dalam kalangan murid sekolah menengah. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

Ary, D., Jacobs, L, C., & Sorenson, C. 2010. *Introduction to Research in Education (8th Edition)*. Belmont: Thomson Wadsworth.

Asnul Dahar Minghat & Zuklifli Samsuddin. 2008. Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan pelajar mengikuti Mata Pelajaran Vokasional di Sekolah Menengah Akademik di daerah Hulu Langat, Selangor. <http://eprints.utm.my/10820> (diakses pada 26 Mei 2012).

Azila Binti Dasan, Rohana Binti Hamzah & Amirmuddin Bin Udin. 2010. Hala tuju pendidikan teknikal dan vokasional ke arah memartabatkan Falsafah Pendidikan Negara. <http://eprints.utm.my/14935> (diakses pada 11 Januari 2013).

Azizi Hj. Yahaya. 2001. The using of Model Context, Input, Process and Product (CIPP) in learning assessment. International Conference on Challenges and Prospects in Teacher Education. Julai 2001, Concorde Hotel, Shah Alam Selangor.

Bae, S.H., Song, J.H. 2006. Youth unemployment and the role of Career and Technical Education : A study of Korean Labor Market. *Career and Technical Education Research* 3(1): 3-21.

Bahagian Pendidikan Teknikal dan Vokasional (BPTV). 2013. Kementerian Pelajaran Malaysia. www.bptv.edu.my (diakses pada 11 Januari 2013).

Brown, Duane. 2007. *Career Information, Career Counseling, and Career Development*. USA: Pearson Education, Inc.

Chun-Mei Chou, His-Chi Hsiao, Chien-Hua Shen & Su-Chang Chen. Effects of Technical and Vocational school teachers' self-efficacy in creative teaching and creative teaching efficacy: Using organizational innovative climate as mediator variable. International Conference on Education and Information Technology (ICEIT). September 2010.

Cochran, W.G. 1977. *Sampling Techniques*. New York: John Willey and Sons.

Craig Chaudron. 2000. Contrasting approaches to classroom research: qualitative and quantitative analysis of language use and learning. *Second Language Studies* 19(1): 1-56.

Creswell, J. W. 2008. *Education Research : Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research (3rd Edition)*. New Jersey: Pearson Education, Inc.

De Brujin, E., Leeman, Y. 2010. Authentic and self-directed learning In vocational education : Challenges to vocational education. *Teaching and Teacher Education* 25 (4 May 2011): 694-702.

Deborah Rumsey. 2003. *Statistic for Dummies*. Indiana: Wiley Publishing, Inc.

Dunkin, M. J. & Biddle, B. J. 1974. *The study of teaching*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.

Elwood, N. Chapman. 1988. *The Fifty-Minute Career Discovery Program*. Los Altos, California: Crisp Publications, Inc.

Fitrihara Bt. Kazilan. 2008. Kemahiran employability dalam kalangan pelajar Institut Kemahiran Mara di Malaysia. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

Fitrisehara Kazilan, Ab. Rahim Bakar & Ramlah Hamzan. 2009. Kemahiran Employability Dalam Kalangan Pelajar Pusat Latihan Vokasional di Malaysia. Dlm. *Strategi Memperkasakan Pendidikan Teknikal & Vokasional*, disunting oleh Norhasni Zainal Abidin, Suhaida Abdul Kadir dan Arasinah Kamis. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.

Garton, L. B., Spain, N. J., Lamberson, R. W., Spiers, E. D. 1999. Learning style, teaching performance, and students achievement : A relational study. *Journal of Agricultural Education* 40(3):11-20.

George, S. Mouzakitis. 2010. The role of vocational education and training curricula in economic development. *Procedia Social and Behavioral Science* 2 (2010): 3914-3920.

Grafton, T. Eliason., & John Patrick. 2008. *Career Development in the Schools* (editors). USA: Information Age Publishing, Inc.

Gray, K., & Bae, S.H. 2009. Skills Shortages, Over-Education and Unemployed Youth: An International Dilemma. In *International Handbook of Education for the Changing World of Work*, R. Maclean, D. Wilson (editors). Netherlands: Springer.

Green, S.B., Salkind, N.J. & Akey, T.M. 1997. *Using SPSS for Windows: Analyzing and Understanding Data*. Prentice Hall, New Jersey.

Halijah Bt. Yusoh. 2004. Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan pelajar mengikuti Mata Pelajaran Vokasional (MPV) di sekolah-sekolah akademik di daerah Alor Gajah, Melaka. Laporan Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Hasnah Bt. Abdul Wahab. 2003. Pelaksanaan mata pelajaran Katering dan Penyajian di sekolah menengah di negeri Perak: Satu kajian kes. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

Hisyamuddin Hassan, Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, Rahil Mahyuddin & Habibah Elias. 2008. Pengaruh Strategi Pengajaran Terhadap Tekad Keusahawanan Berdasarkan Persepsi Pelajar. Dlm. *Pendidikan Teknikal & Vokasional : Suatu Perspektif Umum*, disunting oleh Abdullah Mat Rashid, Mohd Ibrahim Nazri dan Ramlah Hamzah. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.

Ivan Hanafi. 2007. Pelaksanaan pendidikan dan latihan teknikal-vokasional di German-Malaysian Institute, Malaysia. Tesis PhD. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

Ivan Hanafi, Ab. Rahim Bakar, Ramlah Hamzah & Rosini Abu. 2008. Model Sistem Pendidikan dan Latihan Teknikal-Vokasional. Dlm. *Pendidikan Teknikal & Vokasional : Suatu Perspektif Umum*, disunting oleh Abdullah Mat Rashid, Mohd Ibrahim Nazri dan Ramlah Hamzah. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.

Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya (JPNWPP). 2013. www.moe.gov.my/ppwpp/ (diakses pada 11 Januari 2013).

Jamil Ahmad & Norlia Goolamally. 2008. Pentadbiran dan pengurusan sistem pendidikan Malaysia ke arah pendidikan berkualiti. <http://eprints.oum.edu.my/160/pentadbiran> (diakses pada 11 Januari 2013).

Kandar bin Selamat, Yahya bin Buntat & Muhammad Rashid bin Rajuddin. 2005. Kertas konsep Mata Pelajaran Vokasional (MPV) di Sekolah Menengah Harian : Penyediaan guru MPV, isu dan cabaran. <http://eprints.utm.my/2282> (diakses pada 26 Mei 2012).

Krejcie, R. V., Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30(3): 607-610.

Kuijpers, M., Meijers, F., & Gundy, C. 2010. The relationship between learning environment and career competencies of students in vocational education. *Journal of Vocational Behavior* 78 (2011): 21-30.

Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). 2002a. Kementerian Pelajaran Malaysia. Kertas konsep pentaksiran kompetensi dan pensijilan modular.

Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). 2002b. Kementerian Pelajaran Malaysia. Dokumen pengurusan dan pengendalian pentaksiran Mata Pelajaran Vokasional (MPV).

Mark Blaug. 1976. The empirical status of human capital theory : A slightly jaundiced survey. *Journal of Economic Literature* 14(3): 827-855.

Minnis, J. R. 2000. Caught between tradition and modernity: Technical-vocational education in Brunei Darussalam. *International Journal of Education Development* 20 (2000): 247-259.

Mohd Ibrahim Nazri. 2008. Pembelajaran Konteksual Dalam dan Merentasi Mata Pelajaran Vokasional Peringkat Menengah. Dlm. *Pendidikan Teknikal & Vokasional : Suatu Perspektif Umum*, disunting oleh Abdullah Mat Rashid, Mohd Ibrahim Nazri dan Ramlah Hamzah. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.

Mohd. Majid Konting. 2009. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Mohd. Saufi Ab Rahman. 2004. Reaksi pelajar yang mengambil Mata Pelajaran Vokasional (MPV) di Sekolah Menengah Akademik di negeri Terengganu. Laporan Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Mohd Yusof Husain, Seri Bunian Mokhtar, Abdul Aziz Ahmad & Ramlee Mustapha. 2010. Importance of employability skills from employer perspective. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 7(2010): 430-438.

Mohamad Sattar Rasul & Rose Amnah Abdul Rauf. 2010. *Pembangunan Alat Ukur Tahap Kemahiran Kebolehdapatan Kerja*. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.

Muhd Khaizer Bin Omar. 2011. Employability skills of Malaysian Community College students. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

Muhyiddin Yassin. 2012. Teks ucapan YAB Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin Bin Hj Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia. Majlis Pelancaran Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan, September 2012. Putrajaya.

myGovernment. 2013. Portal Rasmi Kerajaan Malaysia. www.malaysia.gov.my (diakses pada 11 Jan 2013).

Nunnally, J. 1978. *Psychometric Theory*. New York: Mc Graw-Hill.

Nurhaiza Bt. Che Mat. 2003. Motivasi pencapaian dan minat kerjaya pelajar kelas Mata Pelajaran Vokasional di Sekolah Menengah Harian biasa : Satu tinjauan. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

OECD. 2003. *OECD Economies and the World Today: Trends, Prospects and OECD Statistic*. London: Kogan Pages and Contributors.

Olaniyan, D. A., Okemakinde, T. 2008. Human Capital Theory : Implication for education development. *European Journal of Scientific Research* 24(2): 157-156.

Pallant, Julie. 2006. *SPSS Survival Manual (3rd edition)*. New York: Mc Graw-Hill.

Pasi Sahlberg. 2011. *Finnish Lessons : What Can The World Learn From The Education Change in Finland?* New York and London: Teachers College, Columbia University.

Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK). 2001. Kementerian Pelajaran Malaysia. Sinopsis Mata Pelajaran Vokasional di Sekolah Menengah Akademik Harian tahun 2002-2005.

Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK). 2003a. Kementerian Pelajaran Malaysia. Penerangan dan panduan penawaran Mata Pelajaran Vokasional di Sekolah Menengah Akademik Harian.

Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK). 2003b. Kementerian Pelajaran Malaysia. Pelan Induk Mata Pelajaran Vokasional Sekolah Menengah Harian bagi tahun 2002-2005.

Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK). 2003c. Kementerian Pelajaran Malaysia. Laporan penilaian pelaksanaan Mata Pelajaran Vokasional (MPV).

Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM). 2012. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Rahmah Ismail. 2003. *Ekonomi Pembangunan: Isu Sumber Manusia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ramle Mustapha & Abu Abdullah. Globalization and its Impact on Technical-Vocational Education and Training in Malaysia. Annual Convention New Orleans (ACTE). December 2001, Louisiana.

Rancangan Malaysia Ke 9 (RMKe-9). 2005. Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Putrajaya: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Rancangan Malaysia Ke 10 (RMKe-10). 2010. Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Putrajaya: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Rohana Binti Abdul Rahim. 2010. Minat kerjaya, efikasi sendiri keputusan kerjaya, kemahiran employability, dan pilihan kerjaya pelajar vokasional pertanian di semenanjung Malaysia. Tesis PhD. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

Rohany Nasir. 2008. *Kaunseling Kerjaya, Anjakan daripada Konvensionalisme*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Roselina Ahmad Saufi, Mohd Safri Saiman dan Fumitaka Furuoka. 2008. *Human Capital In Malaysia: Current And Future Challenge*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Rosini Abu & Fitrisehara Kazilan. 2008. Kesedaran Kemahiran Generik dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Keguruan. Dlm. *Pendidikan Teknikal & Vokasional : Suatu Perspektif Umum*, disunting oleh Abdullah Mat Rashid, Mohd Ibrahim Nazri dan Ramlah Hamzah. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.

Ross, E. Margaret. 2010. Designing and using program evaluation as a tool for reform. *Journal of Research on Leadership Education* 5(12.7): 481-506.

Secretary's Commission on Achieving Necessary Skills (SCANS). 1991. *What Work Requires Of Schools : A SCANS Report For America 2000*. USA: Department of Labor.

Sean Kelly., & Heather Price. 2009. Vocational Education : A clean slate for disengaged students. *Social Science Research* 38(2009): 810-825.

Sektor Penaziran Pendidikan Teknik dan Vokasional (PPTV). 2002. Kementerian Pelajaran Malaysia. Dapatan utama status pelaksanaan Mata Pelajaran Vokasional (MPV) di Sekolah Menengah Harian- Pemeriksaan Mei 2002.

Shyamala Nagaraj, Chew Sing Buan, Lee Kiong Hock & Rahimah Haji Ahmad. 2009. *Education and Work : The World Of Work*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Sidek Mohd Noah. 2002. *Perkembangan Kerjaya : Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.

Stern, D., Finkelstein, N., Stone, J. R. III., Latting, J., & Dornsife, C. 1995. *School-to-Work: Research on programs in the United States*. London: Falmer Press.

Stufflebeam, D. L. 2002. *CIPP Evaluation Model Checklist*. Evaluation Checklists Project, www.wmich.edu/evalctr/checklists (diakses pada 11 Januari 2013).

Stufflebeam, D. L., Shinkfield, J, A.,. 1985. *Systematic Evaluation*. Boston: Kluwer.Nijhoff Publishing.

Super, D. E., Crites, J.O. 1962. *Appraisinsg Vocational Fitness*. New York: Harper & Row Publisher.

Tam Phun Khaw, Suhaida Abdul Kadir & Abd Patah Malik. 2008. Pendidikan Keusahawanan dalam Mata Pelajaran Vokasional. Dlm. *Pendidikan Teknikal & Vokasional : Suatu Perspektif Umum*, disunting oleh Abdullah Mat Rashid, Mohd Ibrahim Nazri dan Ramlah Hamzah. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.

The Budget 2013. 2012. Ministry of Finance Malaysia, Federal Government Administrative Centre. Putrajaya: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Tin Sook Ting, Suhaida Abdul Kadir, Nor Hayati Hj Alwi & Zakaria Abdul Rahman. 2009. Tahap Kreativiti dalam kalangan Pelajar Mata Pelajaran Vokasional. Dlm. *Strategi Memperkasakan Pendidikan Teknikal & Vokasional*, disunting oleh Norhasni Zainal Abidin, Suhaida Abdul Kadir dan Arasinah Kamis. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.

The Star. 2012. A need to review the system. April 1, pg. 12-13.

Ulmer, D. J. 2005. An assessment of the cognitive behavior exhibited by secondary agriculture teachers. PhD Dissertation. University of Missouri, Columbia.

Utusan Malaysia. 2011. Mata pelajaran vokasional dimansuhkan mulai tahun hadapan, www.utusan.com.my (diakses pada 11 Januari 2013).

Warner, J. W., Arnold, S., Jones, W. W. D., Myers, E. B. 2006. The use and design of laboratory instruction in secondary agriscience classrooms. *Journal of Southern Agricultural Education Research* 56(1): 125-135.

Worthen, B. R. 1990. *Program Evaluations. The International Encyclopedia Of Education Evaluation*. Toronto: Pergammon Press.

Yahya Bin Buntat, Zakaria Mohd. Yusof & Meor Ibrahim Kamaruddin. 2006. Kemahiran Employability: Tanggapan guru terhadap penerapannya di sekolah, satu kajian kes. http://eprints.utm.my/2235/1/7_8.pdf (diakses pada 11 Januari 2013).

Yahya Emat. 1993. *Pendidikan Teknik Dan Vokasional Di Malaysia*. Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd.



© COPYRIGHT UPM